



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA**

**MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM JUALAN PRIHATIN RAYA (JPR)
SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2021**

7 MEI 2021 (JUMAAT)

11.00 PAGI

**PERKARANGAN ANJUNG SERI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

Terima Kasih kepada Pengacara Majlis
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

SALUTASI

(Akan disediakan ketika Majlis Pelancaran)

ALUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini pada **Majlis Pelancaran Program Jualan Prihatin Raya (JPR) Bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2021.**
2. Saya amat mengalu-alukan kehadiran barisan pengurusan syarikat-syarikat pembekal yang terlibat dengan jualan pada hari ini untuk turut bersama-sama dalam majlis ini, seperti:
 - i. Syarikat Leong Hup International Berhad;
 - ii. Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT);
 - iii. Beras Inayu Global Sdn Bhd;
 - iv. Kumpulan Legasi Z Sufi;

- v. Interglo Venture Sdn Bhd; dan
- vi. JY Retail & Trading Services.

Para Hadirin dihormati,

3. Kementerian sangat menghargai kerjasama yang baik dari semua pihak dalam menjayakan Program Jualan Prihatin Raya yang **pertama kali** diadakan ini. Kita faham bahawa persediaan menyambut perayaan kali ini amat berbeza daripada sebelumnya terutamanya dalam rakyat masih di bawah Printah Kawalan Pergerakan atau PKP. Walau bagaimana pun, kementerian sangat memahami keperluan rakyat untuk membeli barang-barang keperluan asas untuk menyambut perayaan Aidilfitri yang bakal tiba beberapa hari lagi walaupun dalam keadaan yang sangat bersederhana pada tahun ini.
4. Dalam masa yang sama, Kementerian sentiasa komited untuk terus membantu golongan yang terkesan secara langsung dengan pandemik Covid 19 serta akibat daripada pelaksanaan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) demi untuk memutuskan rantaian Covid 19 di Negara kita.

5. Melalui Program Jualan Prihatin Raya ini, Kementerian telah mengadakan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat pembekal utama untuk menawarkan harga barangan keperluan dengan harga yang sangat berpatutan dan jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Antara barangan keperluan yang dijual adalah seperti **ayam, telur, ikan, gula, minyak masak, tepung, beras, sayur-sayuran dan pelbagai jenis barangan keperluan yang lain.**

Para Hadirin Sekalian,

6. Sebagaimana kita sedia maklum, penularan pandemik Covid 19 memberi kesan kepada semua golongan terutama golongan B40 dalam meneruskan kelangsungan hidup yang mana kos sara hidup yang semakin meningkat. Justeru, baru-baru ini, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan penetapan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

(SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 yang berkuatkuasa mulai 21 April 2021 sehingga 20 Mei 2021. Terdapat pelbagai jenis barang keperluan yang telah disenaraikan dalam SHMMP seperti ayam, daging lembu, telur dan ikan. Para peniaga dinasihatkan agar tidak menjual melebihi harga maksimum barang terkawal, memastikan bekalan barangan mencukupi di pasaran, meletakkan tanda harga bagi barangan terkawal dan menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentukan.

7. Selain itu, dalam usaha untuk meringankan beban golongan kurang berkemampuan, pihak Kementerian juga telah mempergiatkan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif Program Food Bank Malaysia (PFBM) yang diterajui oleh Kementerian ini. Sebagai makluman, sehingga April 2021, PFBM telah membantu seramai **624,954 penerima** dan juga **17,954 mahasiswa** yang telah terkesan secara langsung dengan pandemik Covid 19.

8. Pada majlis hari ini juga, pihak Kementerian juga akan menyampaikan sumbangan bantuan makanan yang telah disumbangkan oleh Syarikat 99 Speedmart Sdn. Bhd. kepada **46 orang warga Kementerian** yang berkeelayakan. Diharap dengan sumbangan yang diterima pada hari ini akan dapat membantu meringankan sedikit beban buat mereka menjelang persiapan Hari Raya AidilFitri.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

9. KPDNHEP berharap dengan terlaksananya Program Jualan Prihatin Raya pada hari ini, sedikit sebanyak dapat membantu pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan untuk sambutan Hari Raya dengan harga yang berpatutan. Pastikan kita merancang perbelanjaan dengan berhemah dan menjadi pengguna yang bijak dalam membuat keputusan.

10. Saya bagi pihak Kementerian ini juga berbesar hati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh syarikat-syarikat pembekal yang turut menjayakan program pada hari ini. Semoga jalinan kerjasama antara KPNDHEP dan semua pemain-pemain industri dalam Sektor Peruncitan ini dapat dikekalkan dan diteruskan di masa-masa akan datang. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas kerjasama semua pihak dalam menjayakan Program Jualan Prihatin Raya pada hari ini.

Sekian dan terima kasih.